

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM UNTUK MERAIKAN PERDANA MENTERI  
REPUBLIK KYRGYZ TYT AMANGELDI MURALIEV DAN PUAN ELMIRA

TEMPAT: SERI PERDANA, PUTRAJAYA

TARIKH: 17 NOV 2000

MASA:

Saya ucapkan selamat datang dan mengalu-alukan lawatan Tuan Yang Terutama dan Puan Elmira serta anggota-anggota rombongan Republik Kyrgyz ke Malaysia. Saya dan isteri saya amat gembira di atas kehadiran Tuan Yang Terutama di majlis ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, melalui Tuan Yang Terutama, kepada Presiden Askar Akayev di atas kemenangan beliau di dalam pilihan raya Presiden baru-baru ini.

2. Saya dan isteri saya mempunyai kenangan yang manis mengenai lawatan-lawatan kami ke negara Tuan Yang Terutama. Kecantikan semula jadi, kebudayaan yang halus dan kemesraan rakyatnya telah meninggalkan kenangan yang berkekalan kepada kami.

3. Lawatan Tuan Yang Terutama ke Malaysia membuktikan bahawa hubungan dua hala di antara kedua-dua negara kita adalah rapat dan mesra. Saya percaya bahawa pertukaran lawatan di peringkat yang tinggi seperti ini dapat membantu dalam mempererat dan mempertingkatkan hubungan dua hala.

4. Pagi ini kita telah menyaksikan majlis menandatangani tiga perjanjian yang meliputi pelancongan, perkhidmatan udara dan pengelakan cukai dua kali. Perjanjian-perjanjian tersebut membuktikan kesungguhan kita untuk mengembang dan mempertingkatkan hubungan istimewa yang Malaysia kongsi bersama dengan Republik Kyrgyz. Unit Perancang Ekonomi Malaysia dan Unit Ekonomi Republik Kyrgyz telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bersama yang membolehkan kedua-dua belah pihak mengadakan rundingan tahunan di dalam bidang kerjasama ekonomi. Saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Khas Bersama ini akan mengadakan mesyuaratnya yang ketiga pada 20 November ini dan saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka di dalam rundingan mereka.

5. Saya gembira bahawa delegasi Tuan Yang Terutama termasuk juga ahli-ahli perniagaan yang terkemuka yang mewakili beberapa bidang ekonomi Republik Kyrgyz. Kehadiran mereka di Kuala Lumpur akan memberi peluang kepada mereka untuk mencari usaha baru kerana perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara pada masa ini adalah masih kecil.

6. Walau bagaimanapun, di bidang pelaburan, saya yakin bahawa pihak swasta Malaysia yang aktif mencari pelbagai projek pelaburan, akan berjaya menubuhkan usahasama dengan rakan Kyrgyz mereka untuk memajukan potensi ekonomi yang wujud di Republik Kyrgyz untuk kepentingan bersama. Dalam hubungan ini, seminar pelaburan yang akan dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama pada esok hari, merupakan langkah yang positif terhadap menarik lebih ramai lagi pelabur ke Republik Kyrgyz.

7. Pelaburan asing dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ini adalah pengalaman Malaysia. Dan kerana ini, kita telah menjadikan negara kita sungguh menarik kepada pelabur-pelabur asing. Malaysia bersedia untuk berkongsi cara kita menarik pelaburan asing dengan Republik Kyrgyz.

8. Perlantikan Dato' Matshah Safuan sebagai Konsul Kehormat di Negeri Sembilan dapat meningkatkan kerjasama dua hala. Saya ingin menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Dato' Matshah Safuan di atas perlantikan beliau sebagai Konsul Kehormat Republik Kyrgyz.

9. Apabila Penerbangan Kyrgyz memulakan perkhidmatannya ke Kuala Lumpur, jarak geografi dapat dikurangkan dan akan membawa kepada peningkatan hubungan di antara kedua-dua rakyat, dan seterusnya merapatkan lagi kedua-dua negara. Perhubungan dua hala kita akan dipertingkatkan dan saya berharap supaya program dan projek kepentingan bersama dilaksanakan pada masa akan datang.

10. Saya sedar bahawa Republik Kyrgyz sedang menghadapi keganasan antarabangsa, pengedaran narkotik dan pelampau agama. Walau bagaimanapun, kami yakin bahawa di bawah kepimpinan Presiden Akayev dan Tuan Yang Terutama, Republik Kyrgyz akan berjaya menangani masalah-masalah tersebut. Usaha-usaha Tuan Yang Terutama untuk membawa kestabilan ke Republik Kyrgyz dan wilayah Asia Tengah disanjung tinggi dan seharusnya mendapat sokongan setiap negara.

11. Di dalam dunia tanpa sempadan, dengan globalisasi sebagai penawar kepada semua penyakit ekonomi, negara membangun seperti kita sering mendapati diri kita disekat di dalam usaha kita membawa kemajuan kepada rakyat kita. Kita perlu berdiri teguh untuk memerangi kesan negatif proses globalisasi yang boleh mengancam konsep kenegaraan. Kita perlu sedar akan bahaya-bahaya tersebut dan pastikan bahawa kedaulatan negara kita tidak dikorbankan demi globalisasi.

12. Malaysia mempunyai pengalaman di dalam perkara ini, semasa krisis kewangan 1997-98, ketika perdagangan matawang yang tidak dikawal menghapuskan segala hasil titik peluh kami yang dicapai selama 40 tahun. Jika diikuti cara IMF dan Bank Dunia kita terpaksa menyerahkan kemerdekaan ekonomi

kita kepada mereka. Syukur kepada Allah SWT kerana memberi kita kebijaksanaan untuk memilih cara yang tidak konvensional untuk memulihkan ekonomi kita. Pada hari ini, ekonomi Malaysia sedang berkembang dan saya bangga untuk melaporkan bahawa ekonomi Malaysia telah pulih. Kita bersedia berkongsi pengalaman kita dengan Tuan Yang Terutama untuk menangani masalah ekonomi yang boleh menjejaskan pertumbuhan Republik Kyrgyz. Malaysia sedar tentang harapan negara-negara seperti Republik Kyrgyz yang sedang menghadapi kesukaran menyesuaikan kepada ekonomi pasaran. Cabaran-cabaran yang dihadapi bukan tidak boleh diharungi. Usaha bersama dan kekuatan rakyat Republik Kyrgyz, dapat membawa keamanan dan kemakmuran kepada negara Tuan Yang Terutama. Malaysia sedia menghulurkan bantuan di dalam usaha Tuan Yang Terutama untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat Kyrgyz.

13. Izinkan saya Perdana Menteri, untuk mengucapkan sekali lagi kepada Tuan Yang Terutama dan Puan Elmira, serta juga anggota-anggota delegasi, selamat datang ke Malaysia dan saya harap lawatan ini memberi kenangan manis mengenai Malaysia.